

Muhyiddin, Hadi diminta akur titah Agong

Kuala Lumpur: Dua pemimpin Perikatan Nasional (PN) iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Abdul Hadi Awang diingatkan supaya akur dengan peringatan dititahkan Yang di-Per-tuan Agong serta Raja-Raja Melayu yang mahukan kestabilan politik negara diletakkan sebagai paling utama.

Ingatan itu disuarakan Veteran DAP, Lim Kit Siang yang turut menggesa Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU dan Abdul Hadi selaku Presiden PAS mengisytiharkan parti masing-masing patuh kepada peringatan berkenaan, sekali gus tidak terbabit sebarang rancangan menjatuhkan Kerajaan Per-

paduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk lima tahun akan datang.

“Ini (gesaan Kit Siang) adalah mesej disampaikan Yang di-Per-tuan Agong dalam titah ucapan baginda ketika perasmian Parlimen ke-15 pada Februari lalu, namun ia tidak diikuti sejak tiga bulan lalu.

“Ia satu ujian sama ada pemimpin politik bersedia melakangkan kepentingan peribadi dan parti politik mereka demi kepentingan negara,” katanya melalui kenyataan yang disiarkan di blognya.

Kelmarin, Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar menyuarakan kebimbangan susulan desas-desus

berhubung isu kestabilan kerajaan yang terus kedengaran meskipun sudah enam bulan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) berlalu.

Baginda bertitah supaya rakyat, ekonomi, kesejahteraan dan kemakmuran negara seharusnya diutamakan.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi DAP Pulau Pinang, Dr P Ramasamy, mendakwa Proklamasi Orang Melayu yang dicituskan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sekadar propaganda politik yang hanya bermatlamat menggulingkan Kerajaan Perpaduan dan tiada kaitan dengan usaha me-

martabatkan Melayu.

Proklamasi ditandatangani beberapa pemimpin PAS baru-baru ini mengandungi 12 perkara untuk menyelamatkan orang Melayu di negara ini dan menggesa perpaduan dalam kalangan orang Melayu bagi tujuan itu.

“Ironinya, orang yang menjadi sumber pengisytiharan ini dan mereka yang menandatangani proklamasi itu adalah pemimpin sama yang mengecewakan orang Melayu selama beberapa dekad.

“Mahathir walaupun menjabat jawatan Perdana Menteri selama dua penggal, tidak pernah berusaha secara serius untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat Melayu.

“Namun sebagaimana seluruh dunia sedar, retorik perkauman dan agama digunakan dan dimanipulasi Mahathir untuk memperkayakan ahli keluarga dan kroninya.

“Sekiranya Mahathir dan pemimpin PAS begitu tekad untuk memartabatkan orang Melayu, apa yang telah mereka lakukan selama ini?” soalnya melalui satu hantaran di Facebook.

Beliau mengulas foto tular mengenai pertemuan Dr Mahathir dan Abdul Hadi yang dipercayai berlaku di kediaman bekas Perdana Menteri itu, yang turut disertai beberapa pemimpin PAS dan sekretariat Proklamasi Orang Melayu.